

CNS3638

R GB 29-01 . 00123 BH159

Bah

Mahathir - Sabah 2 Jitra (sambungan berita awal)

Di KUALA LUMPUR, ketika menjawab satu soalan berhubung perkara yang sama pada persidangan akhbar, Ramos berkata penubuhan majlis penasihat itu merupakan antara pendekatan baru yang diambil oleh kerajaan Filipina untuk menyelesaikan isu itu.

Ramos berkata penyelesaian kepada masalah itu akan merupakan satu proses yang akan mengambil masa.

"Bagaimanapun, kita akan mara ke hadapan dan tidak ke belakang.

"Ketika kita memperbaiki hubungan dua hala, kita juga mengukuhkan hubungan yang mengikat kita, mengatasi perbezaan yang mungkin memecahkan kita," katanya.

Beliau berkata pelbagai aktiviti ekonomi yang mungkin dapat dijalankan secara usahasama oleh kedua-dua negara mungkin "merupakan kaedah terbaik untuk mencari satu penyelesaian kepada masalah itu." -- Bernama

▼29/01/20-03MST